

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEBAGAI YANG DI-PERTUA PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA MERANGKAP
PENAUNG TAYANGAN PERDANA FILEM "6 WEEKS" MELALUI TELEVISYEN MALAYSIA
Lokasi : MELALUI TELEVISYEN, MALAYSIA
Tarikh : 15-10-1983

Salam hormat saya ucapkan kepada semua para penonton sekalian.

Saya berterima kasih kerana dapat menemui tuan-tuan dan puan-puan melalui Television ini untuk mendapat sokongan tuan-tuan dan puan-puan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

2. Persatuan Pandu Puteri mula bergerak semenjak tahun 1923 lagi, iaitu lebih 30 tahun sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Tahun demi tahun Pertubuhan ini telah berkembang. Walau bagaimanapun ianya telah benar-benar menempa perkembangan pesat selepas negara kita mencapai kemerdekaan 26 tahun yang lalu. Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri terdapat bukan sahaja di sekolah- sekolah menengah, tetapi juga di sekolah- sekolah rendah, maktab-maktab perguruan, dan pusat-pusat pekerjaan di mana terdapat ramai wanita muda di negara ini.

3. Saya menganggap perkembangan Persatuan ini sebagai sangat menggalakkan. Saya juga bangga kerana pemimpin-pemimpin Persatuan ini sentiasa berusaha bagi menentukan ianya akan berjaya terus di tahun-tahun akan datang. Dengan itu saya yakin tuan-tuan dan puan-puan yang mempunyai anak atau adik, yang telah dan sedang menjadi ahli Persatuan ini, akan memberi sokongan supaya Persatuan ini sentiasa maju jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Dewasa ini, jumlah ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah melebihi 57,000 orang. Mungkin ramai dari kita yang biasa melihat ahli-ahli Pergerakan ini di peringkat sekolah menengah sahaja. Yang sebenarnya Pergerakan ini mempunyai ahli di peringkat sekolah rendah yang digelar Brownie, di maktab-maktab perguruan yang bergelar Kadet, dan di peringkat pusat-pusat pekerjaan di mana ramai wanita muda bekerja yang bergelar Renjer. Bahkan bekas ahli pergerakan Pandu Puteri telah menjadi ahli-ahli yang aktif semula dengan tertubuhnya 'Guild Trefoil' tahun lalu.

5. Pada tiap-tiap tahun Persatuan Pandu Puteri di peringkat Kebangsaan dan Negeri telah menjalankan berbagai aktiviti, termasuk perkhemahan, kemahkerja, seminar, latihan kepimpinan dan lain-lain lagi. Berbagai aktiviti inilah yang telah dapat menarik perhatian anak-anak muda kita menjadi ahli Pergerakan ini.

6. Saya ingin menekankan di sini bahawa latihan adalah unsur terpenting di dalam Pergerakan ini. Latihan asas dan lanjutan sentiasa diberi kepada ahli-ahli, bahkan ahli-ahli yang berbakat dan aktif akan dilatih pula menjadi pemimpin Pergerakan ini. Dengan itu Persatuan Pandu Puteri terpaksa mengumpul wang yang banyak untuk menganjurkan berbagai latihan di peringkat Daerah, Negeri dan Kebangsaan.

Berkat bantuan Kerajaan dan para dermawan, semua aktiviti latihan telah dijalankan dengan jayanya pada tahun-tahun yang lepas.

7. Semua kejayaan yang dicapai yang telah saya sebutkan tadi adalah dengan sokongan dan bantuan dari ramai para pemimpin dalam Persatuan ini dan para budiman yang menghulurkan derma dari masa ke masa.

8. Sekali lagi Persatuan ini berharap perhatian dan sokongan para dermawan sekalian. Persatuan Pandu Puteri akan menganjurkan Tayangan Perdana yang bertajuk "6 Weeks" di sebuah panggung wayang di Kuala Lumpur pada 19hb. Oktober, 1983. Tujuannya ialah untuk mengutip derma bagi membantu Projek Latihan Pergerakan Pandu Puteri. Selaku Yang Di-Pertua Persatuan dan Penaung Tayangan Perdana ini, saya bagi pihak Persatuan Pergerakan Pandu Puteri Malaysia, merayu kepada para budiman dan sahabat- sahabat Pergerakan ini supaya membantu dengan seberapa ikhlas.

9. Ramai antara tuan-tuan dan puan-puan adalah sibuk dengan urusan dan tanggungjawab masing-masing dan tidak ada masa untuk melibatkan diri secara langsung dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela, seperti Persatuan Pergerakan Pandu Puteri ini. Walau bagaimanapun, sokongan tuan-tuan dan puan-puan amatlah diperlukan. Derma-derma dari para budiman akan digunakan untuk memberi peluang kepada anak-anak gadis, sama ada dari luar bandar atau dalam bandar, mengikuti kursus latihan kepimpinan di negeri masing-masing. Saya yakin sumbangan para budiman sekalian akan meningkatkan kebolehan dan kecekapan anak-anak dan wanita muda kita untuk memberi pimpinan dan sumbangan kepada bangsa, negara dan agama.

10. Segala sumbangan hendaklah dibuat dengan cek berpaling, di atas nama "Filem Perdana Persatuan Pandu Puteri Malaysia", dialamatkan ke Wisma Pandu Puteri, Peti Surat 1121, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.

11. Saya ulangi sekali lagi. Segala sumbangan hendaklah dibuat dengan cek berpaling, di atas nama "Filem Perdana Persatuan Pandu Puteri Malaysia", dialamatkan ke Wisma Pandu Puteri, Peti Surat 1121, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur. Derma-derma ini adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

12. Akhirnya, saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah memberi sokongan dan galakan kepada Gerakan Pandu Puteri.

Terima kasih dan salam bahagia.